

Naib Canselor Dan Pegawai-Pegawai Kanan UUM Cuba Perkhidmatan MRT

Unit Komunikasi Korporat

Fri 11/3/2017 11:43 AM

To: UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>;

Cc: Staf - Pesara UUM <pesaranet@uum.edu.my>;



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



03 NOVEMBER 2017 / 14 SAFAR 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon

Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

NAIB CANSELOR DAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UUM CUBA PERKHIDMATAN MRT



UUM ONLINE: Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak bersama pegawai-pegawai kanan Universiti Utara Malaysia (UUM) mencuba perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) dari Kajang ke Sungai Buloh, semalam.

Delegasi UUM seramai kira-kira 30 orang itu menaiki MRT di Stesen MRT Kajang pada jam 3:00 petang dan sampai di stesen MRT Sungai Buloh kira-kira sejam kemudian.

Tujuan utama delegasi UUM mencuba pengangkutan awam berasaskan rel tersebut adalah bagi merasai sendiri pengalaman menaiki perkhidmatan MRT yang paling moden dan canggih yang dilancarkan Perdana Menteri bagi mengurangkan kesesakan trafik dengan sasaran penurunan 160,000 kenderaan memasuki ibu kota setiap hari.

Fasa Kedua Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK), dilancarkan Perdana Menteri pada 17 Julai lalu.

Jajaran keseluruhan laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) melibatkan 51 kilometer merentasi 31 stesen termasuk tujuh stesen bawah tanah, dengan integrasi laluan LRT di stesen-stesen Pasar Seni, Maluri, dan Merdeka yang berintegrasi dengan stesen LRT Plaza Rakyat.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.